

MAHATHIR - DAGANG

DARI IDZAN ISMAIL

1992

SUVA, FIJI, 15 OKT. (BERNAMA) - DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA NEGARA-NEGARA MAJU SUPAYA MENGAJAI SEMULA PERANAN MEREKA DALAM PERDAGANGAN SEDUNIA DAN BERSEDIA MENERIMA HAKIKAT BAHAWA BIDANG-BIDANG DI MANA MEREKA TIDAK CEKAP HARUSLAH DISERAHKAN KEPADA PIHAK-PIHAK LAIN.

PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU MENYOKONG DASAR BAHAWA NEGARA-NEGARA HARUS MENUMPUKAN PERHATIAN KEPADA PENGELUARAN BARANG-BARANG DI MANA MEREKA MEMPUNYAI KELEBIHAN EKONOMI YANG TERBAIK.

OLEH DEMIKIAN, KATANYA, +BRETTON WOODS+ ADALAH KETINGGALAN MASA DAN KEADAAN DUNIA MASAKINI TIDAK AKAN DAPAT DIATASI MENERUSI RUNDINGAN SEDUNIA.

+SAYA TIDAK BERSETUJU DENGAN CADANGAN PERDANA MENTERI NEW ZEALAND ENCIK ROBERT MULDOON SUPAYA DIADAKAN RUNDINGAN SEDUNIA BERBENTUK BRETTON WOODS BAGI MENYELEBAIKAN MASALAH DUNIA,+ KATANYA KEPADA PARA PEMBERITA DI SINI.

BELIAU BERPENDAPAT KETIKA +BRETTON WOODS+ DIADAKAN DALAM 1944, KEBANYAKAN NEGARA PADA MASA ITU MEMPUNYAI PENGAWALAN KE ATAS PERDAGANGAN DAN OLEH DEMIKIAN BERUPAYA MELAKSANAKAN KEPUTUSAN-KEPUTUSAN. - LAGI 18DD/BW

MAHATHIR - DAGANG 2 SUVA (FIJI)

TETAPI PADA MASA INI, KEADAAN TELAH BERUBAH DAN DI MANA NEGARA-NEGARA MAJU MENYOKONG PERDAGANGAN BEBAS, SOKONGAN ITU MEMPUNYAI SYARAT-SYARAT TERTENTU, KATANYA.

+APABILA NEGARA-NEGARA MAJU MAHU MENGEKSPORT BARANG-BARANG BIAP, MEREKA BERKATA PERDAGANGAN BEBAS BUKANLAH CARANYA,+ TAMBAHNYA.

MEMANDANGKAN DEMIKIAN, BELIAU BERKATA ADALAH LEBIH BAIK JIKA SEKUMPULAN PAKAR MENGAJAI MASALAH-MASALAH BERKENAAN DAN Mencari JALAN UNTUK MENGATASI MASALAH EKONOMI DUNIA SEKARANG. - BERNAMA 18D3/BW